



KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN BERHUBUNG PENGOPERASIAN HOSPITAL PASIR GUDANG

Johor Bahru, 14 November 2025

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengambil maklum hantaran tular di media sosial berkenaan pengoperasian Hospital Pasir Gudang (HPG) baru-baru ini.

Beberapa dakwaan di dalam video tersebut mendakwa HPG menolak pesakit yang memerlukan rawatan terapi oksigen, Jabatan Kecemasan dan Trauma tidak beroperasi menyebabkan pesakit ditolak sehingga bersalin di rumah dan meninggal di tepi jalan, serta beberapa dakwaan lain yang memberi cerminan negatif kepada Hospital Pasir Gudang (HPG), Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Dakwaan mengenai tiada penyediaan perawatan terapi oksigen sehingga menyebabkan kematian adalah tidak benar memandangkan HPG telah bersedia bagi kemudahan rawatan terapi oksigen sebaik sahaja hospital mula beroperasi. Bagi pengoperasian Jabatan Kecemasan dan Trauma HPG pula, perkhidmatan perawatan kesihatan telah bermula dengan kemudahan 2 katil Zon Merah, 4 katil Zon Kuning, 1 Bilik Konsultasi Zon Hijau dan 2 ambulans bagi Perkhidmatan Interfasiliti. Namun, setiap hari pesakit-pesakit yang dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma HPG adalah melebihi daripada kapasiti yang dibuka di HPG. Selain itu, perkhidmatan kafeteria dan kios-kios di dalam HPG sedang melalui proses pelantikan penyewa yang memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan sebelum memulakan pengoperasian di hospital. Proses ini memerlukan penelitian dan masa bagi memastikan HPG kekal berintegriti dalam melantik penyewa serta dapat menyediakan kemudahan terbaik kepada orang awam.

HPG telah mula beroperasi secara berperingkat bermula bulan Ogos 2025 dengan pengoperasian klinik-klinik pakar dan diikuti dengan Jabatan Kecemasan dan Trauma yang mula beroperasi pada bulan September 2025. Perkhidmatan pesakit dalam mula beroperasi pada bulan Oktober 2025 dimana wad-wad dibuka secara berperingkat bermula dengan wad multidisiplin mengikut ketersediaan hospital pada ketika ini.

HPG, JKNJ dan KKM menegaskan komitmen untuk terus menyediakan perkhidmatan kesihatan yang selamat, berkualiti dan profesional kepada semua pesakit, serta mengekalkan integriti dan standard tertinggi dalam setiap aspek operasi hospital. Pihak kami akan terus bekerjasama untuk memastikan peralihan HPG kepada pengoperasian penuh pada tahun hadapan dapat berjalan dengan lancar dan memberi manfaat yang besar kepada rakyat Johor, sekali gus memperkukuh sektor kesihatan di negeri ini.

TAMAT

JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR